



# SIARAN MEDIA

## *Media Release*

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
*Consumer Price Index*  
(Jan 2015=100)

**MAC 2023**  
**MARCH 2023**



## INDEKS HARGA PENGGUNA

## MAC 2023

### Bulan-ke-Bulan

Mac 2023 /  
Februari 2023

**0.1%**

### Tahun-ke-Tahun

Mac 2023 /  
Mac 2022

**0.4%**

### Bulan-ke-Bulan



### Tahun-ke-Tahun



### Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.89** pada bulan **Mac 2023**

### Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

#### Makanan

**▲ 3.9%**

#### Beras dan Bijirin



**▲ 6.6%**

#### Daging



**▲ 5.8%**

#### Ikan dan Makanan Laut



**▲ 3.6%**

#### Bukan Makanan

**▼ -0.5%**

#### Pengangkutan

**▼ -4.1%**



#### Pelbagai Barang dan Perkhidmatan

**▼ -2.5%**



#### Perhubungan

**▼ -2.9%**

#### Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada waktu yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
**MAC 2023**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:**

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENUNJUKKAN SEDIKIT PENINGKATAN SEBANYAK 0.1 PERATUS BAGI BULAN MAC 2023 BERBANDING FEBRUARI 2023**

1. Bagi bulan Mac 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus bulan-ke-bulan berbanding dengan bulan Februari 2023 disebabkan oleh kenaikan yang rendah sebanyak 0.1 peratus pada harga Bukan Makanan. Manakala, harga Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.1 peratus. Ini merupakan penurunan pertama sejak bulan Mei 2021.
2. Penurunan bulan-ke-bulan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disumbangkan oleh Sayur-Sayuran (1.8 peratus); Minyak dan Lemak (2.9 peratus); dan Gula, Jem, Madu, Coklat dan Yang Diawet dengan Gula (0.4 peratus). Manakala, peningkatan harga Bukan Makanan adalah disumbangkan oleh Rekreasi dan Kebudayaan (3.1 peratus); Restoran dan Hotel (0.5 peratus); dan Pakaian dan Kasut (1.2 peratus). Peningkatan harga Rekreasi dan Kebudayaan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga pakej percutian dan umrah.
3. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 0.4 peratus berbanding dengan bulan Mac 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 3.9 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus.
4. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga seperti Beras dan Bijirin (6.6 peratus); Daging (5.8 peratus); dan Ikan dan Makanan Laut (3.6 peratus). Peningkatan harga Beras dan Bijirin adalah terutamanya didorong oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah bagi kek, pastri dan biskut. Kenaikan harga Daging terutamanya daging ayam adalah disumbangkan oleh kos makanan ternakan ayam yang tinggi. Manakala, kenaikan harga Ikan dan Makanan Laut adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga ikan dalam tin dan udang segar.
5. Walau bagaimanapun, peningkatan tahun-ke-tahun ini diimbangi oleh penurunan bagi harga Bukan Makanan yang didorong oleh Pengangkutan (4.1 peratus); Pelbagai Barang dan Perkhidmatan (2.5 peratus); dan Perhubungan (2.9 peratus).
6. Harga Pengangkutan menunjukkan penurunan disebabkan oleh harga tiket penerbangan dan harga kereta. Di samping itu, penurunan harga Pelbagai Barang dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh harga insurans kenderaan. Manakala, penurunan harga perkhidmatan telefon dan telefaks adalah penyumbang utama kepada penurunan harga Perhubungan.
7. IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



# CONSUMER PRICE INDEX

# MARCH 2023

## Month-on-Month

March 2023 /  
February 2023

0.1%

## Year-on-Year


March 2023 /  
March 2022

0.4%

## Month-on-Month



## Year-on-Year



## Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND106.89** in **March 2023**


## Main Contributors

Year-on-Year

### Food

3.9%

#### Rice and Cereals



6.6%

#### Meat



5.8%

#### Fish and Seafood



3.6%

### Non-Food

-0.5%

#### Transport



-4.1%

#### Miscellaneous Goods and Services

-2.5%

#### Communication

-2.9%

## Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**CONSUMER PRICE INDEX**  
**MARCH 2023**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI) WENT UP BY 0.1 PER CENT IN MARCH 2023 AS COMPARED TO FEBRUARY 2023**

1. *In March 2023, the Consumer Price Index (CPI) went up by 0.1 per cent month-on-month compared to February 2023. The marginal increase was attributed to a lower increase of 0.1 per cent in Non-Food prices, while the prices of Food and Non-Alcoholic Beverages decreased by 0.1 per cent. This was the first decline since May 2021.*
2. *The month-on-month decrease in the Food and Non-Alcoholic Beverages prices was attributed to Vegetables (1.8 per cent); Oil and Fats (2.9 per cent); and Sugar, Jam, Honey, Chocolate and Confectionery (0.4 per cent). Meanwhile, the rise in the prices of Non-Food was contributed by Recreation and Culture (3.1 per cent); Restaurants and Hotels (0.5 per cent); and Clothing and Footwear (1.2 per cent). The increase in the Recreation and Culture prices was mainly due to the rise in the price of holiday and umrah packages.*
3. *For year-on-year changes, the CPI increased by 0.4 per cent compared to March 2022. The rise was driven by an increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages by 3.9 per cent. Meanwhile, the Non-Food prices registered a decrease of 0.5 per cent.*
4. *The year-on-year increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was due to the rise in Rice and Cereals (6.6 per cent); Meat (5.8 per cent); and Fish and Seafood (3.6 per cent). The increase in Rice and Cereals prices was mainly driven by the rise in raw material prices for cakes, pastries and biscuits. The rise in Meat prices, particularly chicken meat, was contributed by the high cost of chicken feed. Whereas, the increase in Fish and Seafood prices was mainly attributed to the rise in prices of canned fish and fresh prawns.*
5. *However, the year-on-year increase was moderated by a decrease in Non-Food prices which was driven by Transport (4.1 per cent); Miscellaneous Goods and Services (2.5 per cent); and Communication (2.9 per cent).*
6. *Transport prices registered a decline due to a fall in the prices of air fares and motor cars. Meanwhile, the fall in Miscellaneous Goods and Services prices was mainly due to the decrease in the price of vehicle insurance. Moreover, the fall in telephone and telefax services prices was the main contributor to the decrease in the price of Communication.*
7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for March 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*